**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**www.ijlgc.com**PENGETAHUAN ILMU KENEGARAAN DAN PERLEMBAGAAN
DALAM PEMBENTUKAN NILAI BAIK DI KALANGAN
MAHASISWA: KAJIAN KES DI UMS*****KNOWLEDGE OF STATEHOOD AND CONSTITUTION IN THE
ESTABLISHMENT OF FAVOURABLE VALUES AMONG THE GRADUANS: A
CASE OF UMS***Joloning Joe Majambu^{1*}, Mohd. Azri Ibrahim^{2*}, Romzi Ationg^{3*}, Saifulazry Mokhtar^{4*}¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: joloningm@gmail.com

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: mohdazri@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: mrationg@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 31.07.2024

Revised date: 18.08.2024

Accepted date: 19.09.2024

Published date: 24.09.2024

To cite this document:

Majambu, J. J., Ibrahim, M. A., Ationg, R., & Mokhtar, S. (2024). Pengetahuan Ilmu Kenegaraan Dan Perlembagaan Dalam Pembentukan Nilai Baik Di Kalangan Mahasiswa: Kajian Kes Di UMS. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9 (37), 85-98.

DOI: 10.35631/IJLGC.937008**Abstrak:**

Ilmu kenegaraan dan perlembagaan terhadap rakyat adalah sangat penting. Seseorang warganegara seharusnya memiliki ilmu tersebut bagi meningkatkan tahap patriotik terhadap negara dan seterusnya dapat melahirkan warganegara yang memiliki nilai serta etika kehidupan yang unggul. Pengetahuan yang berkaitan dengan perlembagaan, undang-undang dan Rukun Negara, demokrasi, berparlimen, sejarah kemerdekaan adalah antara perkara yang seharusnya dimiliki ilmunya oleh seseorang warganegara di Malaysia. Penghayatan ilmu tersebut penting untuk memastikan kehidupan bernegara yang harmoni dan sejahtera kerana ianya mampu menjadi benteng kepada segala perbuatan yang bertentangan dengan amalan hidup yang tidak beretika dan bermoral. Bagi memahami hal ini maka kertas kerja ini memberi penjelasan tentang pengetahuan masyarakat terutamanya generasi muda terhadap ilmu kenegaraan Malaysia. Diharap kertas kerja ini menyediakan penjelasan sewajarnya tentang topik yang diketengahkan bagi memastikan kelangsungan Malaysia yang harmoni, selamat dan beretika.

Kata Kunci:

Kenegaraan, Nilai, Mahasiswa, Perlembagaan, Undang-Undang

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstract

Knowledge of the statehood and the constitution among the people is crucial. The citizen should have such a knowledge for improvement in terms of patriotism as well as to make poses them good values and ethics in their life. Knowledge related to the constitution, laws and 'Rukun Negara', democracy, parliament, the history of independence are among the matter which must be possessed by the citizen of Malaysia. Understanding of such a knowledge is vital in ensuring a harmonious and prosperous nation as it can be a fort against all actions that are contrary to unethical and moral practices. In order to understand this, this paper provides an explanation about the knowledge of the community, especially the young generation, towards Malaysian statehood. It is hoped that this paper provides proper explanation on the topic for the survival of harmonious, safe and ethical Malaysia.

Keywords:

Constitutions, Law, Statehood, Students, Values

Pengenalan

Pengetahuan terhadap ilmu yang berteraskan kemahiran insaniah ketika belajar di universiti adalah penting dan mustahak. Kemahiran ini seharusnya dipelajari dan dimiliki oleh setiap pelajar sebagai bekalan ilmu semasa pelajar memasuki alam pekerjaan dan kehidupan bermasyarakat. Oleh itu ilmu pengetahuan yang berteraskan kepada perlembagaan, undang-undang dan rukun negara adalah antara pengetahuan asas yang perlu dimiliki oleh pelajar universiti sebagai nilai tambah terhadap kemahiran insaniah. Umum mengetahui bahawa pelajar universiti adalah pewaris kepimpinan negara terutamanya dalam pelbagai sektor seperti sektor awam dan sebagainya. Oleh itu, tahap pengetahuan ilmu yang berteraskan perlembagaan, undang-undang dan rukun negara diharapkan dapat meningkatkan daya kepimpinan yang baik, berintegriti dan juga berpatriotik terhadap bidang tugas dan negara. Berdasarkan kepada nilai kepentingan ilmu ini terhadap keperluan dan daya kepimpinan masa depan negara, maka kajian ini akan melihat dan menganalisis pengetahuan pelajar universiti terhadap ilmu pengetahuan yang berterskan perlembagaan, undang-undang dan rukun negara.

Bagi memastikan penulisan ini menepati keperluan akademik dan fokus terhadap kemahiran insaniah dan kepimpinan dalam kalangan pelajar, maka beberapa aspek akan dibincangkan seperti beberapa kajian lepas, metodologi kajian, pemahaman terhadap konsep, dapatan kajian dan analisis terhadap kajian tersebut. Diharapkan penulisan ini yang berkaitan dengan peningkatan terhadap kefahaman dan pengetahuan perlembagaan, undang-undang dan rukun negara dapat meningkatkan keupayaan terhadap kepimpinan negara pada masa depan. Penghayatan terhadap nilai-nilai dan etika kepimpinan yang bercirikan sejarah, perundangan dan kenegaraan menjadi tuntutan yang penting oleh pelajar universiti sebagai pemimpin masa depan negara.

Sorotan Literatur

Sebelum kajian ini dijalankan, penelitian terhadap sorotan literatur turut diutamakan. Kajian literatur ini telah dipecahkan kepada kajian lepas berkaitan dengan perlembagaan persekutuan dan kajian yang berkaitan dengan Universiti Malaysia Sabah. Kajian Ayu Norazilah Mohamad, Mohammad Ali dan Wayu Nor Asyikin (2019) melihat peranan Perlembagaan Persekutuan Malaysia sebagai agen dalam mengharmonikan perhubungan masyarakat majmuk di Malaysia.

Hasil kajian mendapati bahawa kewujudan Perlembagaan Persekutuan Malaysia menjadi ikatan yang bermakna dalam mensejahterakan hubungan masyarakat majmuk di Malaysia. Secara umum kajian ini membincangkan kepentingan perlembagaan persekutuan dalam konteks pembentukan masyarakat harmoni di Malaysia. Pembentukan persefahaman dalam masyarakat berbilang kaum memerlukan usaha dan penghayatan terhadap sejarah dan perlembagaan sebagai agen penyatuan. Permuafakatan dan saling bertolak ansur antara masyarakat berbilang kaum sangat penting kerana ia akan mewujudkan keadaan di mana setiap anggota masyarakat faham akan tanggungjawab terutamanya dalam konteks memelihara keamanan dan perpaduan kaum untuk kebaikan semua.

Manakala Mohd Azri Ibrahim et al., (2020) melihat tahap pengetahuan pelajar terhadap ilmu perlembagaan dan undang-undang. Secara dasarnya hasil kajiannya mendapati bahawa tahap pengetahuan pelajar terhadap ilmu perlembagaan dan undang-undang adalah baik. Ini menunjukkan pelajar telah memiliki asas ilmu perlembagaan dan undang-undang menerusi pembelajaran di peringkat sekolah dan pendedahan oleh isu-isu semasa yang memaparkan hal ehwal yang berkaitan dengan kes perundangan. Oleh itu beliau merumuskan bahawa pelajar menyedari akan kepentingan ilmu tersebut untuk pelajar dan juga untuk negara secara keseluruhannya. Rohaizatulamni, Sarjit & Ahmad Tarmizi (2012) dalam kajiannya yang berkaitan dengan pemahaman dan penghayatan terhadap rukun negara dalam kalangan belia. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pemahaman dan penghayatan belia pelbagai kaum terhadap ideologi nasional, yakni Rukun Negara. Hasil kajian mereka telah mendapati bahawa belia Melayu lebih memahami serta menghayati Rukun Negara berbanding kaum lain dan secara umumnya menunjukkan bahawa tahap pemahaman belia adalah tinggi. Walau bagaimanapun, tahap penghayatan terhadap Rukun Negara dalam kalangan belia masih berada pada tahap sederhana. Oleh itu, kajian ini mencadangkan bahawa generasi muda kini seharusnya lebih prihatin serta menghayati falsafah dan Rukun Negara untuk memastikan bangsa Malaysia lebih bersatu padu untuk membentuk jati diri nasional dan tamadun Malaysia.

Siti Norayu Mohd Basir, Junainor Hassan, Shuhairimi Abdullah dan Hassad Hassan (2014) pula dalam kajiannya yang melihat dan menganalisa persepsi pelajar teknikal di Universiti Malaysia Perlis UniMAP mengenai kefahaman konsep Rukun Negara yang diajar dalam subjek Hubungan Etnik menerusi dua pendekatan iaitu, melihat dan menganalisa tahap kesedaran dan kefahaman pelajar terhadap kepentingan Rukun Negara dan bagaimana subjek Hubungan Etnik memberi impak dalam usaha menyuburkan lagi kesedaran dan pemahaman konsep Rukun Negara dalam kalangan pelajar. Kajian ini mendapati bahawa subjek Hubungan Etnik penting dalam memberi kesedaran dan kefahaman konsep Rukun Negara dalam pembentukan masyarakat majmuk yang harmoni dan bertoleransi di antara satu sama lain.

Seterusnya kajian Mohd Azri et al., (2021) pula bertujuan untuk meninjau dan menganalisis pandangan pelajar universiti tentang kepentingan ilmu pengetahuan berkaitan perlembagaan, undang-undang dan Rukun Negara untuk kepimpinan yang lebih baik pada masa hadapan. Kajian tersebut mendapati pengetahuan berkaitan perlembagaan, undang-undang dan Rukun Negara sememangnya amat penting untuk kepimpinan yang lebih baik pada masa hadapan. Kajian tersebut diharapkan dapat menjadi medan pengkongsian ilmu terhadap kehidupan bermasyarakat dan bernegara yang lebih harmoni, selamat dan beretika di Malaysia dalam sebuah masyarakat majmuk berdasarkan pengetahuan ilmu perlembagaan, undang-undang dan Rukun Negara.

Tinjauan literatur terhadap kajian berkaitan dengan mahasiswa di universiti turut dijalankan. Kajian Irma Wani et al. (2021) bertujuan untuk merungkai tafsiran berhubung nilai positif, semangat dan jati diri, bilamana mahasiswa didedahkan dengan keupayaan meningkatkan kemandirian dalam konteks penyertaan politik kampus. Selain itu, kajian ini juga bertujuan meneliti sumbangan kejayaan yang berterusan mahasiswa berjiwa besar dan tinggi karisma kepimpinan dalam aspek pembangunan politik negara pada hari ini. Hasil dapatan kajian tersebut menjumpai dua penemuan baru dikemukakan iaitu kebebasan berpolitik yang diberikan kepada mahasiswa di negara ini perlu dimanfaatkan sebaiknya, terutama dalam melahirkan golongan muda berjiwa besar dan kebebasan berpolitik dilihat mampu membantu mencorak aspek kepimpinan terutama di peringkat universiti dan mereka yang berkarisma dan berkredibiliti dapat memacu pembentukan negara ke arah lebih baik tidak kira daripada segi politik, ekonomi dan sosial. Bagi kajian Saifulazry dan Kasoma (2023a) pula dijalankan adalah untuk melihat tahap penerimaan dan keberkesanan kursus Tasawwur Islam dalam kalangan mahasiswa asasi di Universiti Malaysia Sabah. Hasil penawaran kursus Tasawwur Islam di peringkat asasi menunjukkan 84% dari pelajar dapat menambah ilmu pengetahuan pelajar khususnya dalam selok belok agama Islam, 60% pelajar dapat mengaplikasikan ilmu-ilmu yang diperolehi dalam kehidupan seharian dan 42% pelajar dapat mengubah diri mereka menjadi seorang yang lebih baik dari sebelumnya. Secara keseluruhannya, penawaran kursus Tasawwur Islam di peringkat asasi ini sangat memberikan impak positif terhadap kehidupan mahasiswa bagi menempuh hari-hari yang mendatang.

Seterusnya dalam kajian Saifulazry et al. (2021a) bertujuan untuk melihat rekayasa dakwah dalam kalangan mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi kursus umum universiti iaitu Penghayatan Etika dan Peradaban (PEDP) dari sudut penerimaan dakwah dan keselesaan mereka dalam menerima teguran dan nasihat. Kajian tersebut mendapati majoriti mahasiswa sangat bersetuju dengan pendekatan dan rekayasa dakwah yang diaplikasikan oleh pensyarah dalam kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang diselitkan dengan unsur-unsur dakwah membolehkan mahasiswa dapat menerima ilmu dengan mudah dan santai serta meninggalkan kesan positif dalam kehidupan mereka. Selain itu, kajian Mohd Sohaimi et al., (2021) membincangkan tentang keberkesanan PdP dalam talian bagi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban sesuai dengan keadaan norma baharu pada masa kini. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa matlamat asas dan objektif kursus ini tercapai walaupun dibuat dalam talian sepenuhnya, tetapi ia diandaikan bahawa pencapaian akan lebih ketara sekiranya ianya diajar menggunakan kaedah tradisional iaitu melalui kaedah pengajaran adan pembelajaran secara bersemuka. PdP secara atas talian juga adalah sejajar dengan perkembangan teknologi pendidikan masa kini (Saifulazry et al., 2021b).

Metodologi Kajian

Kajian ini akan menggunakan kaedah penyelidikan campuran. Penyelidikan secara *mix method* ini adalah diharapkan dapat menjelaskan fokus kajian yang berpaksikan data soal selidik dan analisis dapatan data tersebut dengan temubual dalam kalangan pelajar sebagai responden kajian ini. Kajian ini secara kuantitatifnya melibatkan set soal selidik yang dijawab menerusi *google form* oleh responden kajian iaitu pelajar universiti seramai 257 orang. Pada masa yang sama kaedah kualitatif pula menerusi forum atau maklum balas responden di ruangan portal *online learning* juga diperolehi daripada responden yang juga terdiri daripada kalangan pelajar universiti. Dapatan kajian secara soal selidik akan dianalisis bersama dengan maklum balas pelajar bagi memastikan kedua-dua kaedah penyelidikan ini dapat diaplikasikan dalam kajian ini. Menerusi kaedah kajian ini adalah diharapkan data statistik dapat disokong dan diujahkan

dengan pandangan atau pendapat pelajar. Ini bagi memastikan dapatan kajian ini lebih menyeluruh dan rumusan dapat membuktikan akan kepentingan ilmu pengetahuan perlembagaan, undang-undang dan rukun negara dalam konteks kepimpinan pelajar dapat ditonjolkan sebagai fokus utama dan penting bagi kajian ini.

Pendefinisian dan Pemahaman Konsep

Diruangan yang terhad ini, penulisan yang berasaskan pendefinisian dan pemahaman konsep akan dihuraikan secara ringkas dan padat. Ini bagi memastikan beberapa konsep penting kajian ini dapat difahami yang akhirnya dapat memudahkan kefahaman terhadap keseluruhan kajian dan penulisan ini. Oleh itu konsep perlembagaan, undang-undang dan kepimpinan akan dihuraikan secara ringkas berdasarkan pandangan sarjana dalam disiplin ilmu yang berkaitan serta huraian ringkas secara keseluruhannya. Manakala pemahaman konsep rukun negara pula akan dihuraikan berdasarkan kepada latar belakang kemunculannya serta prinsip-prinsip rukun negara tersebut serta perbincangan terhadap kepentingan penghayatannya.

Menurut Perlembagaan Persekutuan (2019) iaitu Perkara 4 telah memperuntukan bahawa perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi negara. Ini membuktikan secara jelas bahawa perlembagaan merupakan undang-undang utam di negara kita. Menurut Wheare (1951) pula perlembagaan merupakan satu dokumen bertulis yang mentaksirkan susunan institusi-institusi politik pemerintah negara serta hak-hak rakyat di dalam negara berkenaan. Abdullah Sanusi (1987) mengatakan bahawa perlembagaan ialah buku yang mengandungi undang-undang agong negara manakala Shiela (1994) pula berpendapat bahawa perlembagaan merupakan sekumpulan undang-undang dasar yang menjadi garis panduan kepada pemerintahan sesebuah negara. Berdasarkan beberapa definisi yang berkaitan dengan perlembagaan di atas, maka adalah jelas bahawa perlembagaan merupakan undang-undang utama di Malaysia dan ianya merupakan dokumen bertulis yang menjadi panduan kepada semua urusan yang berkaitan dengan pemerintahan dan pentadbiran negara.

Umum mengetahui bahawa undang-undang merupakan satu peraturan umum mengenai perlakuan manusia. Ianya juga boleh difahami sebagai peraturan terhadap perkara-perkara yang tidak boleh dilakukan dan ianya datang bersama dengan hukuman jika seseorang melakukan kesalahan dari segi undang-undang. Menurut David (1992) undang-undang merupakan satu peraturan mengenai perbuatan manusia yang menimbulkan kesan-kesan tertentu sebagaimana yang ditentukan oleh negara. Manakala Abdul Aziz (1995) pula melihat undang-undang sebagai mengandungi perbuatan-perbuatan yang dilarang atau ditegah, perbuatan yang perlu dan boleh dilakukan, jika seseorang tidak mematuhi ianya akan dihukum dan ianya juga memastikan semua pihak mendapat hak-hak masing-masing. Secara umumnya dapat difahami bahawa undang-undang adalah aturan yang mengawal perbuatan hidup kita atau masyarakat dalam sesebuah negara. Oleh itu adalah jelas bahawa dalam sesebuah negara undang-undang sangat penting untuk diikuti bagi memastikan kehidupan bermasyarakat yang sejahtera. Kepentingan undang-undang dapat dilihat menerusi amalan kepatuhan bagi memastikan masyarakat hidup secara aman, damai dan harmoni.

Kenegaraan secara umum dapat dirujuk sebagai warnageraan yang berpengetahuan terhadap ilmu-ilmu negara seperti demokrasi, perlembagaan, sejarah dan sebagainya. Pemahaman dan penghayatan terhadap ilmu kenegaraan adalah sangat penting dan ianya dapat mekahirkan masyarakat yang bertanggungjawab terhadap kepentingan-kepentingan negara seperti kehaormonia, perpaduan, kecintaan dan sebagainya. Oleh itu adalah penting bagi seseorang

warganegara atau mahasiswa untuk mempersiapkan diri dengan ilmu-ilmu kenegaraan dan seterusnya dapat meningkatkan nilai-nilai kepemimpinan sebagai seorang pemimpin. Pemimpin dan kepemimpinan adalah penting dalam sesebuah negara. Seseorang pemimpin seharusnya mempunyai ciri-ciri kepemimpinan yang baik dan berkesan bagi memastikan pentadbiran yang diketuainya berjalan dengan baik dan berjaya serta tidak melakukan perbuatan-perbuatan yang menyalahi undang-undang dan peraturan. Menurut Kamus Dewan (1989) kepemimpinan bermaksud keupayaan memimpin. Kepimpinan merupakan satu proses yang berkaitan dengan tingkah laku dalam aspek mengurus atau arahan terhadap seseorang dalam ruang lingkup tanggungjawab dan skopnya bagi mencapai sesuatu objektif. Menurut Saifulazry et al. (2023b) secara realitinya, istilah kepemimpinan membawa pelbagai pengertian dan definisi kerana ia bergantung kepada kesesuaian dan keperluannya serta mereka yang mendefinisikannya. Walaupun kepemimpinan adalah sesuatu yang kompleks untuk ditakrifkan namun ia membawa kepada suatu persamaan dari segi kandungannya iaitu sebagai suatu proses, pengaruh, kerja sepasukan serta menentukan sesuatu matlamat yang diinginkan (Saifulazry et al., 2021c).

Berdasarkan pemahaman terhadap konsep perlembagaan dan undang-undang adalah jelas bahawa kewujudannya dalam negara adalah perlu dan penting. Dalam konteks kefahaman oleh setiap anggota masyarakat pula dapat dinilai berasaskan kepatuhan yang jitu terhadap setiap peruntukan yang terdapat di dalam perlembagaan dan juga setiap undang-undang serta ilmu kenegaraan yang berkaitan. Pemahaman, penghayatan dan kepatuhan terhadap perlembagaan dan undang-undang juga perlu wujud dalam diri setiap pemimpin. Ini bagi memastikan pemimpin dan kepimpinannya sentiasa melakukan tindakan yang selaras dengan perlembagaan dan undang-undang, sebagainya contohnya dari aspek integriti berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah yang dapat melahirkan pemimpin tidak melakukan rasuah, pecah amanah, penyelewengan dan sebagainya yang berkaitan dengan integriti. Pendefinisian secara ringkas terhadap konsep perlembagaan, undang-undang dan kepimpinan adalah secara jelas menunjukkan sesebuah negara sangat memerlukan pemimpin yang mempunyai daya kepimpinan yang berteraskan ciri-ciri yang baik dan tindakannya seharusnya selaras dengan perlembagaan dan undang-undang.

Kefahaman terhadap rukun negara sebagai contoh dalam kajian ini akan tertumpu kepada sejarah kewujudannya dan prinsipnya. Pemahaman ini penting dan diharapkan ianya dapat memberi pengetahuan asas berkaitan dengan aspek rukun negara. Tanah Melayu yang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum telah berjaya mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 menerusi usaha kerajaan Perikatan yang berjaya membentuk kerajaan selepas pilihanraya umum 1955 yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri. Kemerdekaan ini disusuli dengan kejayaan Tunku apabila berjaya merealisasikan gagasan Malaysia pada 16 September 1963 menerusi kemasukan wilayah Borneo iaitu Sabah dan Sarawak serta Singapura. Kejayaan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan pembentukan gagasan Malaysia akhirnya diuji dengan satu peristiwa berdarah iaitu Peristiwa 13 Mei 1969 yang menyaksikan konflik antara kaum yang menyebabkan kematian, kecederaan, kemusnahan harta benda dan krisis perkauman.

Rentetan daripada Peristiwa 13 Mei, akhirnya kerajaan telah menubuhkan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Menerusi MAGERAN ini yang diketuai oleh Tun Abdul Razak, tertubuhnya Majlis Perundingan Negara dan Jabatan Perpaduan Negara. Tujuan MAGERAN adalah bagi memastikan konflik kaum dapat diatasi dan mengembalikan keamanan dan keharmonian kehidupan bermasyarakat yang berbilang kaum. Akhirnya Majlis Perundingan

Negara berpandangan bahawa rakyat Malaysia berbilang kaum memerlukan satu ideologi yang boleh dikongsi bersama antara masyarakat majmuk. Oleh itu pada 31 Ogos 1970, ideologi rasmi negara iaitu dikenali sebagai Rukun Negara telah diperkenalkan menerusi 5 prinsip. 5 prinsip Rukun Negara tersebut ialah Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Kesopanan dan Kesusilaan. Akhirnya kelima-lima prinsip ini kekal sehingga kini sebagai suatu pegangan bersama bagi semua kaum di Malaysia iaitu yang dikenali sebagai Rukun Negara.


Hasil Dapatan dan Analisis

Berdasarkan kepada soal selidik yang dikemukakan kepada responden iaitu pelajar UMS seramai 257 orang, didapati bahawa 100% responden mengatakan sangat setuju dan bersetuju bagi aspek kepimpinan adalah sangat penting kepada seseorang pelajar universiti. Pelajar berpendapat bahawa, kepimpinan di peringkat universiti dan pengalaman yang diperolehi semasa di universiti akan membantu tingkah laku dan tindakan pelajar dalam aspek kepimpinan apabila ianya memasuki alam pekerjaan. Manakala bagi aspek yang berkaitan dengan kepimpinan menuntut seseorang memiliki ilmu pengetahuan juga menunjukkan hampir keseluruhan responden adalah sangat bersetuju dan bersetuju serta hanya kurang 5% berpendapat tidak pasti dan tidak setuju. Ini secara jelas menunjukkan bahawa ilmu pengetahuan sangat penting bagi aspek pemimpin dan kepimpinan. Bagi soalan yang berkaitan dengan hubungan kepimpinan dan ilmu pengetahuan untuk seseorang pemimpin negara masa depan telah menunjukkan juga majoriti responden atau 94% menyatakan ianya penting manakala selebihnya adalah mengatakan tidak pasti. Merujuk kepada ketiga-tiga soalan awal di atas adalah jelas menunjukkan bahawa ilmu pengetahuan adalah penting bagi seseorang pemimpin terutamanya di kalangan pelajar universiti kerana ianya dilihat sebagai pemimpin masa depan negara. Oleh itu seseorang mahasiswa seharusnya mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan bagi menyediakan diri untuk memimpin negara atau organisasi.

Carta 1: Pengetahuan Rukun Negara, Perlembagan, Undang-Undang Dan Kepimpinan Masa Depan


4. ILMU PENGETAHUAN BERKAITAN DENGAN RUKUN NEGARA SANGAT PENTING UNTUK KEPIMPINAN NEGARA YANG LEBIH BAIK DI MASA DEPAN.

257 responses




5. ILMU PENGETAHUAN BERKAITAN DENGAN PERLEMBAGAAN SANGAT PENTING UNTUK KEPIMPINAN NEGARA YANG LEBIH BAIK DI MASA DEPAN.

257 responses



6. ILMU PENGETAHUAN BERKAITAN DENGAN UNDANG-UNDANG SANGAT PENTING UNTUK KEPIMPINAN NEGARA YANG LEBIH BAIK DI MASA DEPAN.

257 responses



Berdasarkan Carta 1 di atas, secara jelas menunjukkan bahawa keseluruhan daripada responden sangat bersetuju dan bersetuju bahawa ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan aspek Rukun Negara adalah sangat penting dalam aspek kepimpinan untuk masa depan. Ini membuktikan bahawa pengetahuan yang berkaitan dengan nilai sejarah dan penghayatan terhadap Rukun Negara menjadi keutamaan dalam kalangan pelajar dan ia adalah sesuatu yang baik terhadap pelajar. Seorang pelajar telah menyatakan pendapatnya iaitu “*sebagai seorang pelajar yang akan menjadi seorang pemimpin masa depan adalah perlu untuk mengetahui dan menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara dalam masyarakat majmuk di Malaysia*”. Oleh itu adalah jelas bahawa Rukun Negara sangat penting untuk dipelajari dan dihayati oleh pelajar dan juga masyarakat secara keseluruhannya. Manakala bagi kepentingan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan perlembagaan pula, sebanyak 99.3% responden sangat bersetuju dan bersetuju bahawa ilmu perlembagaan penting bagi kepimpinan masa depan negara manakala hanya 0.7% sahaja menyatakannya tidak pasti. Hal ini secara jelas menunjukkan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan perlembagaan sangat perlu dan penting untuk kepimpinan masa depan negara agar setiap tindakan yang diambil nanti adalah selaras dengan perlembagaan. Menurut salah seorang pelajar, beliau berpendapat “*saya sangat minat mempelajari ilmu perlembagaan dan ianya penting kepada saya kerana dapat mengetahui perkara-perkara yang terdapat di dalamnya seperti tentang hak asas dan pilihanraya*”


Carta 1 juga menunjukkan kepentingan ilmu undang-undang dalam konteks kepimpinan masa depan dan dapatan kajian menunjukkan bahawa 99.6% responden sangat setuju dan setuju

dalam hal tersebut dan hanya 0.4% sahaja yang mengatakan tidak pasti. Oleh itu secara majoriti daripada responden berpendapat bahawa ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan undang-undang sangat penting untuk kepimpinan masa depan negara. Ini dapat diujahkan bahawa per pentingannya sesuatu ilmu undang-undang seperti contoh Kanun Keseksaan yang memperuntukan hal-hal yang berkaitan dengan undang-undang jenayah. Pemahaman ilmu terhadap Kanun Keseksaan akan memastikan pemimpin dan kepimpinan masa depan tidak melakukan sesuatu kesalahan jenayah. Diharapkan pemimpin masa depan memiliki ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan perlembagaan, undang-undang dan rukun negara pada tahap yang tinggi dan dibimbangi dengan ilmu pengetahuan yang rendah akan cenderung kepimpinan masa depan berhadapan dengan kesukaran dan kecelaruan dalam memimpin dan akhirnya akan menjejaskan kepimpinan di peringkat negara atau sesebuah organisasi. Pembinaan sifat kepemimpinan dan kepengikutan sepatutnya dilaksanakan dengan memberikan fokus terhadap aspek *tazkiyah alnafs* secara tidak langsung dapat melahirkan sebuah organisasi yang harmorni pada masa akan datang (Abang Mohd Razif, 2021).

Carta 2: Pengetahuan Rukun Negara, Perlembagaan, Undang-Undang dan Kepimpinan Berintegriti

9.PENGETAHUAN TERHADAP RUKUN NEGARA, PERLEMBAGAAN DAN UNDANG-UNDANG ADALAH SANGAT PENTING TERHADAP PEMBENTUK...PINAN YANG BAIK DAN BERINTEGRITI NEGARA.

257 responses



Berdasarkan Carta 2 di atas, ia menunjukkan hubungan antara kepentingan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan Rukun Negara, Perlembagaan dan Undang-Undang dalam pembentukan kepimpinan yang berintegriti. Dapatan kajian mendapati sebanyak 98.8% daripada keseluruhan responden sangat bersetuju dan bersetuju bahawa dengan memiliki ilmu pengetahuan Rukun Negara, perlembagaan dan undang-undang akan dapat melahirkan pemimpin dan kepimpinan yang baik dan berintegriti. Ini dapat dibuktikan dengan pandangan seorang pelajar iaitu “*saya yakin dengan ilmu sebegini akan dapat membentuk sikap dan tingkah laku yang baik dan positif terutamanya dalam kalangan pelajar*”. Ini dikukuhkan lagi dengan pendapat seorang lagi pelajar dan beliau berpendapat bahawa “*ilmu rukun negara akan dapat melahirkan perasaan patriotisma terhadap negara manakala ilmu perlembagaan dan undang-undang akan dapat menjadi peringatan daripada melakukan perbuatan yang salah terutamanya dalam aspek kepimpinannya*”. Oleh itu, berdasarkan kepada data dapatan kajian dan pandangan pelajar dapat membuktikan bahawa betapa ilmu tersebut sangat penting pada pandangan pelajar dalam pembentukan sikap dan tingkah laku seorang pemimpin masa depan negara. Menurut Nurul Ain et al. (2021), pembentukan matlamat, disiplin dan kesediaan menerima kritikan merupakan ciri-ciri kelebihan yang dapat membentuk dan memupuk jiwa


kepimpinan dalam pelajar yang mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap sesuai untuk digunakan apabila mereka keluar ke dunia sebentar.

Di UMS terdapat kursus UL01802 Perlembagaan Malaysia dalam Gugusan Pengajian Liberal yang ditawarkan di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. Kursus ini secara umumnya memberi penekanan terhadap beberapa aspek iaitu pemahaman terhadap pemahaman konsep, sejarah perlembagaan, pembentukan rukun negara dan peruntukan yang terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan. Pelajar mengambil kursus ini sebagai kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) dan ia bermatlamatkan kefahaman terhadap hal ehwal kenegaraan Malaysia terutamanya dari aspek perlembagaan, asas undang-undang dan sejarah. Diharapkan kursus ini dapat menyediakan ilmu asas yang berkaitan dengan perlembagaan kepada pelajar sebagai nilai tambahan dalam peningkatan kemahiran insaniah. Huraian berikutnya adalah berdasarkan data dapatan kajian yang berkaitan dengan kepentingan ilmu bagi kursus UL01802 Perlembagaan Malaysia

Carta 3: Kursus UL01802 dan Pembentukan Kepimpinan


11. KURSUS ULO1802 PERLEMBAGAAN MALAYSIA MERUPAKAN KURSUS YANG DAPAT MENYEDIAKAN ILMU PENGETAHUAN BERKAITAN ...GAAN DAN UNDANG-UNDANG KEPADA PELAJAR.

257 responses



12. SAYA YAKIN DENGAN MEMPELAJARI KURSUS ULO1802 PERLEMBAGAAN MALAYSIA IANYA DAPAT MENAMBAH ILMU PENGETAHUAN DAN PEN...N BARISAN KEPIMPINAN NEGARA MASA DEPAN.

257 responses



Carta 3 di atas menunjukkan data dapatan kajian yang berkaitan dengan kursus UL 01802 Perlembagaan Malaysia dan kaitannya dengan peningkatan ilmu pengetahuan serta pembentukan sikap kepimpinan masa depan negara. Berdasarkan dapatan kajian sebanyak 98.4% daripada responden berpendapat bahawa kursus UL01802 dapat menyediakan ilmu

pengetahuan yang berkaitan dengan perlembagaan, undang-undang dan rukun negara. Ini memandangkan aspek-aspek tersebut merupakan antara kandungan kursus dan ia diajar kepada pelajar yang mendaftar kursus tersebut. Oleh itu matlamat kursus ini untuk menyediakan asas ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan perlembagaan, undang-undang dan rukun negara adalah tercapai dan pelajar mengakuinya. Menurut seorang pelajar berdasarkan hantaran dalam portal *online learning* berpendapat bahawa *“Pada pendapat saya, bahagian yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan yang mana boleh membentuk kepimpinan dalam kalangan pelajar adalah Bahagian Kebebasan Asasi. Ini kerana, dalam bahagian ini banyak mengajar individu untuk lebih bertimbang rasa dengan orang lain. Seorang pemimpin yang baik perlu mempunyai sikap seperti ini oleh itu tidak dapat dinafikan bahawa Bahagian Kebebasan Asasi ini mampu membentuk kepimpinan dalam kalangan pelajar. Seterusnya ialah Bahagian Persekutuan yang mana banyak mengaitkan tentang pemimpin negara. Melalui bahagian ini, individu dapat melihat bagaimana seorang pemimpin itu menjalankan tugas mereka dalam negara dan hal ini sekaligus mempengaruhi sifat kepimpinan dalam diri pelajar dengan mencontohi setiap sifat- sifat pemimpin yang bijak. Selain itu, Bahagian Pilihan Raya juga mampu membentuk kepimpinan dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana, melalui pilihan raya yang dijalankan serta pematuhan terhadap undang-undang sewaktu pilihan raya memperlihatkan bahawa seorang pemimpin itu haruslah sentiasa mematuhi peraturan yang ada. Melalui Pilihan Raya juga kepimpinan dalam diri pelajar dapat dibentuk kerana mereka dapat melihat dan mencontohi sikap-sikap para calon sepanjang menjalankan kempen. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa ianya dapat membentuk kepimpinan dalam diri individu sekaligus dapat digunakan dan dimanfaatkan bagi pemimpin negara pada masa hadapan”*

Manakala bagi dapatan kajian yang berasaskan kepentingan kursus UL01802 dalam pembentukan kepimpinan masa depan negara, sebanyak 98.9% berpendapat bahawa kursus ini mampu melahirkan pemimpin masa depan yang baik kerana asas perlembagaan yang dipelajari dapat dimanfaatkannya nanti. Menurut Saifulazry et al. (2021d), pengaruh kepimpinan seseorang itu sangat mudah dipengaruhi oleh orang bawahannya sekiranya seseorang pemimpin itu mempunyai nilai peribadi yang baik. Dapatan ini yang secara majoritinya menyokong akan kepentingan kursus UL01802 adalah bukti bahawa ilmu perlembagaan, undang-undang dan rukun negara adalah tindakan tepat dalam menawarkan kursus MPU ini dalam kalangan pelajar universiti sebagai kursus elektif. Kepentingan ini dapat dibuktikan dengan pandangan seorang pelajar yang diperolehi daripada forum portal *online learning* yang berpendapat *“Pada pandangan saya, undang-undang yang dapat membentuk sikap kepimpinan dalam diri pelajar ialah seperti yang termaktub dalam Perkara 8 yang memperlihatkan tentang hak kesamarataan. Melalui undang-undang ini, individu dapat dibentuk untuk sentiasa bersikap adil kerana sudah menjadi kewajiban seorang pemimpin itu seharusnya tidak bersikap berat sebelah. Ini akan membantu dalam membentuk kepimpinan dalam diri pelajar. Selain itu, dalam Perkara 11 mengenai kebebasan beragama. Individu yang bebas mengamalkan tanpa disekat akan lebih dekat dengan penciptanya dan perkara sebegini sekaligus membentuk kepimpinan dalam diri pelajar kerana nilai-nilai yang perlu ada sebagai pemimpin sudah di tanam melalui pengamalan agama sendiri. Selain itu, ialah Perkara 12 iaitu Hak Berkenaan dengan Pendidikan. Peluang individu untuk melanjutkan pelajaran juga akan dapat membentuk kepimpinan dalam diri mereka melalui apa yang mereka pelajari di sekolah. Oleh itu, menurut undang-undang yang sudah dinyatakan tadi dapat dilihat bahawa kepimpinan dalam diri individu itu bukan hanya terbentuk secara semula jadi namun perlu juga melalui undang-undang yang sudah ditetapkan”*.

Berdasarkan dapatan kajian dan huraian di atas adalah jelas menunjukkan keperluan dan kepentingan kursus UL01802 Perlembagaan Malaysia. Kandungan kursus ini menggambarkan tuntutan ilmu pengetahuan oleh pelajar terutamanya dalam memahami asas terhadap perlembagaan, undang-undang dan rukun negara. Keperluan dan kepentingan ilmu ini dapat dibuktikan dengan pandangan pelajar yang memperlihatkan peri pentingnya ilmu ini kepada pelajar dan kesungguhan serta komitmen pelajar dalam mempelajari kursus ini. Menurut Saifulazry et al. (2023c) keperibadian akhlak dan ketinggian ilmu merupakan indikator utama bagi seseorang pemimpin. Pemimpin yang tidak mempunyai sifat-sifat ini sudah pasti tidak dapat mentadbir sesebuah organisasi dengan baik dan cemerlang.

Kesimpulan

Membina negara yang terdiri daripada pelbagai kaum dan kepercayaan adalah menuntut setiap warganegara bersatu hati mengukuhkan asas perpaduan dan integrasi nasional. Tapak yang berasaskan perlembagaan, undang-undang dan rukun negara sebagai ilmu tentang kenegaraan adalah antara acuan yang dapat membentuk masyarakat yang bersatu padu dan harmoni. Oleh itu, asas terhadap ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan perlembagaan, undang-undang dan rukun negara seharusnya dimiliki dan dihayati oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, kepercayaan, tempat tinggal, budaya dan sebagainya tanpa perasaan prejudis dan perkauman. Pemimpin dan kepimpinan masa kini dan masa depan seharusnya memahami peri pentingnya mentadbir negara dan sesebuah organisasi dengan penuh tanggungjawab, amanah, integriti dan patriotisme. Maka pendidikan hari ini adalah untuk melahirkan pemimpin untuk masa depan. Oleh itu, pendidikan di universiti adalah medan akhir untuk menyediakan barisan kepimpinan masa depan dan seharusnya mahasiswa memiliki ilmu pengetahuan yang mencukupi sebagai pemimpin. Diharapkan dengan mempelajari kursus UL01802 Perlembagaan Malaysia, setiap pelajar dapat mempersiapkan diri dengan asas ilmu perlembagaan, undang-undang dan rukun negara serta kenegaraan sebagai nilai tambah dalam kemahiran insaniah pelajar. Berdasarkan dapatan kajian dan analisis dapat difahami akan kepentingan ilmu pengetahuan yang berteraskan perlembagaan, undang-undang dan rukun negara kepada seseorang pelajar dan akhirnya sebagai pemimpin masa depan negara.

Penghargaan

Diucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang menyumbang secara tidak langsung dalam proses penulisan makalah serta pihak Global Academic Excellence (GAE) di atas penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Abang Mohd. Razif Abang Muis, Mohd Sohaimi Esa, Mohd Azri Ibrahim, Irma Wani Othman, Saifulazry Mokhtar, Romzi Ationg, Mohd Kamal Mohd Shah. (2021). Elemen Sepunya Kepemimpinan dan Kepengikutan dalam Pembangunan Insan Berteraskan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 119 - 134.
- Abdul Aziz Hussain. (1995). *Memperkenalkan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdullah Sanusi Ahmad. (1987). *Kerajaan, Pentadbiran dan Rakyat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayu Norazilah Mohamad, Mohammad Ali, Wayu Nor Asyikin. (2019). Perlembagaan Persekutuan Malaysia Mengharmonikan Ikatan Masyarakat Majmuk di Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 2(1), 60-74.
- David & Colon. (1992). *Law*. London: Butterworth Heinemann Ltd

- Irma Wani Othman, Mohd Azri Ibrahim, Mohd Sohaimi Esa, Romzi Ationg, Saifulazry Mokhtar, Budi Anto Mohd Tamring & Sharifah Darmia Sharif Adam. (2021). Literasi Undang-Undang Sinonim Kemandirian Jati Diri Mahasiswa dalam Lanskap Politik Kampus: Pemacu Generasi Muda Berjiwa Besar dan Tinggi Karisma Kepimpinan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23), 215-242.
- Kamus Dewan*. (1989). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Azri Ibrahim, M, Romzi Ationg, Mohd Sohaimi Esa, Abang Mohd Razif Abang Muis, Irma Wani Othman, Mohd Safuan Yusoff & Saifulazry Mokhtar. (2021). Pengetahuan Terhadap Ilmu Perlembagaan, Undang-Undang Dan Rukun Negara Dalam Konteks Kepimpinan: Kajian Kes Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 45 - 59.
- Mohd Azri Ibrahim, Mohd Sohaimi Esa, Romzi Ationg, Abang Mohd Razif Abang Muis, Budi Anto Mohd Tamring, Sirahim Abdullah. (2020). Pengetahuan tentang Perlembagaan dan Undang-undang dalam kalangan Pelajar Baharu di Universiti Malaysia Sabah (UMS). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 367 - 373.
- Mohd Sohaimi Esa, Abang Mohd Razif Abang Muis, Romzi Ationg, Irma Wani Othman, Siti Aidah Lukin, Saifulazry Mokhtar & Sharifah Darmia Sharif Adam. (2021). Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian bagi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP): Kajian Kes di Kalangan Pelajar Prasiswazah di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23), 57-67.
- Nurul Ain Zulhaimi, Romzi Ationg, Irma Wani Othman, Anna Lynn Abu Bakar, Nurulasyikin Muda, Mohd Sohaimi Esa & Saifulazry Mokhtar. (2021). Pemupukan Kemahiran Kepimpinan Melalui Projek Berasaskan Kumpulan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 147 - 157.
- Perlembagaan Persekutuan*. (2019). International Law Book Services: Petaling Jaya.
- Rohaizahtulamni Radzlan, Sarjit S. Gill & Ahmad Tarmizi Talib. (2013). Pemahaman dan Penghayatan Rukun Negara Dalam Kalangan Belia Bandar Di Semenanjung Malaysia. *MJYS*, 9 (Disember), 57-67.
- Saifulazry Mokhtar & Kasoma Thia. (2023a). Tahap Penerimaan Dan Keberkesanan Kursus Tasawwur Islam Dalam Kalangan Mahasiswa Asasi Di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Modern Education*, 5 (17), 56-69.
- Saifulazry Mokhtar, Irma Wani Othman, Mohd Azri Ibrahim, Mohd Sohaimi Esa, Azlan Syafie Abdullah @ Raymond Majumah, Muhammad Safuan Yusoff, & Romzi Ationg. (2021d). Implementasi Kepimpinan Transformasi dalam Kalangan Pentadbir Sekolah Di Daerah Sandakan: Satu Tinjauan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 202 - 216.
- Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Irma Wani Othman, & Mohd Maziz al-Hadi Moharam, (2021b). Prospek Pengajaran dan Pembelajaran Online Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pandemik Covid-19 di Sandakan, Sabah: Cabaran dan Signifikan. Prosiding 5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021. 03 - 05 August 2021. 348-359.
- Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Mohd Sohaimi Esa, Irma Wani Othman, Mohd Syafiq Zaini & Sharifah Darmia Sharif Adam (2023c). Menelusuri Kepimpinan Dan Ketokohan Syeikh Tahir Jalaluddin Sebagai Seorang Pemimpin: Satu Analisis. *International Journal of Law Government and Communication*, 8 (32), 259-275.

- Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Romzi Ationg, Mohd Khairi Lebai Ahmad, Abd Hakim Mohad, Sabariah Abd Rahim. (2023a). Teori Kepimpinan Transformasi Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 276-291.
- Saifulazry Mokhtar, Mohd Kamal Mohd Shah, Habibah @ Artini Ramlie, Irma Wani Othman, Romzi Ationg, Mohd. Sohaimi Esa, Syamsul Azizul Marinsah. (2021a). Rekayasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*. Volume 6 Issue 39 (May 2021). 178-193.
- Saifulazry Mokhtar, Romsy Ationg, Nurul Ain Zulhaimi, Nurulasyikin Muda, Abang Mohd Razif Abang Muis, Azlan Syafie Abdullah @ Raymond Majumah & Anna Lynn Abu Bakar (2021c). Pengaruh Kepimpinan Pengamal Adat Kaum Suluk Dalam Ritual Kematian: Satu Tinjauan Awal Di Sandakan, Sabah *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 217 - 231.
- Sheela Abraham. (1994). *Sejarah Perkembangan Negara*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Siti Norayu Mohd Basir, Junainor Hassan, Shuhairimi Abdullah dan Hassad Hassan. (2014). *Persepsi Pelajar Terhadap Konsep Rukun Negara Melalui Pengajaran Subjek Hubungan Etnik: Kajian kes di Universiti Malaysia Perlis*. *Journal of Human Development and Communication*. 3 (Special Issue), 67-79.
- Wheare, K.C. (1951). *Modern Constitution*. Oxford.: London.